

13/09/1999

Mengubah paradigma usahawan menjelang alaf baru

Kadir Dikoh

KONGRES Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) selama dua hari Jumaat dan Sabtu lalu, banyak menumpukan perbincangan berkisar kepada isu mengubah minda usahawan Bumiputera supaya lebih berilmu berasaskan pengetahuan ekonomi dan membina budaya yang sesuai selain penyusunan semula agensi kerajaan, bagi menghadapi alaf baru.

Kali ini, tiada lagi saranan ketara untuk menubuhkan institusi baru seperti kelahiran Bank Bumiputra (M) Bhd (BBMB) di kongres pertama pada 1965, diikuti kongres kemudiannya yang melahirkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) serta pelbagai agensi lain.

Mungkin kerana kesan kegawatan ekonomi, pembinaan institusi tambahan, jika ada, dirasakan kurang sesuai dan menambah bebanan kewangan kerajaan. Sebaliknya apa yang disarankan ialah mengkaji semula fungsi agensi kerajaan sedia ada atau penggabungan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

Apa yang banyak ditekankan ialah soal ilmu pengetahuan berasaskan ekonomi atau apa yang dipanggil sebagai "K-Ekonomi".

Ini kerana pada alaf baru nanti, Bumiputera khususnya di kalangan usahawan bakal menghadapi cabaran paling besar iaitu era globalisasi.

Era globalisasi bermakna dasar ekonomi terbuka yang membolehkan orang asing bebas berniaga tanpa sebarang sekatan di mana-mana negara, berikutan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Ketika itu nanti, masyarakat Bumiputera keseluruhannya tidak boleh lagi mengharapkan 'perlindungan' daripada kerajaan. Sebaliknya, mesti ada ketahanan diri, berilmu, bermaklumat dan sanggup bersaing. Tanpa kemahiran itu, usahawan Bumiputera mungkin tenggelam ditelan arus globalisasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan KEB-4 itu antara lain berkata bahawa kerajaan akan merangka pendekatan yang lebih pragmatik menjelang alaf baru bagi membantu memulihkan semula ekonomi Bumiputera yang musnah berikutan kegawatan ekonomi.

"Usaha ini tidak mudah kerana ketika kita mengejar kemajuan di dalam negara, kita juga terpaksa menghadapi alaf baru berkaitan globalisasi yang tidak lagi mengenal sempadan. Ini adalah cabaran yang amat besar terhadap kita," katanya.

Oleh itu, agenda untuk Bumiputera menghadapi era selepas 2000 itu, lebih menitikberatkan perubahan paradigma supaya mereka tidak ditelan oleh proses globalisasi.

Kongres kali ini meluluskan kira-kira 120 resolusi yang akan diperhalusi lagi kerana pertindihan sebelum dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan lanjut. Resolusi itu adalah hasil perbincangan tujuh bengkel.

Bengkel itu ialah memantapkan pembabitan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian, pembangunan pendidikan dan guna tenaga bagi memenuhi keperluan agenda Bumiputera, pembabitan Bumiputera dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, pembabitan Bumiputera dalam teknologi tinggi, peranan agensi amanah dan syarikat kerajaan dalam menghadapi cabaran masa depan, peranan institusi kewangan dalam mempertingkatkan pewujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera serta penerapan nilai budaya dan agama ke arah membina insan Bumiputera yang berdaya saing.

Kongres anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) itu dihadiri 1,000 peserta dari seluruh negara.

Dalam sesi soal-jawab bersama Dr Mahathir selepas upacara perasmian dan

pada sidang pleno bersama Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin sebelum acara penutup Sabtu lalu, antara persoalan yang banyak ditimbulkan ialah peranan kerajaan untuk membantu usahawan Bumiputera.

"Saya rasa ini kerana golongan Bumiputera berasa perit berikutan tekanan kegawatan ekonomi dan dengan itu, mereka ingin mendapat sedikit jaminan daripada kerajaan supaya mendapat pembelaan," kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dalam sidang akhbar di akhir KEB-4.

Bagaimanapun, katanya, Bumiputera gembira kerana mendapat jaminan daripada Dr Mahathir dan Tun Daim bahawa kerajaan akan membantu sedaya yang boleh bagi memastikan Bumiputera mencapai tahap kejayaan yang boleh dibanggakan.

Namun, dalam ucapan bagi menutup kongres itu, Tun Daim mengingatkan pengusaha Bumiputera yang menjalankan perniagaan supaya membuat perkiraan betul bagi memastikan daya maju projek, bukan menggunakan pengaruh politik.

Katanya, projek yang dikenal pasti hendaklah menguntungkan tetapi penggunaan pengaruh politik tidak akan membawa untung. Beliau berkata, jika bank memberi pinjaman tetapi projek gagal di kemudian hari, maka nama baik pihak terbabit dan kewibawaannya akan juga terjejas dan peluang perniagaan masa depannya juga akan hilang.

Daim juga mengingatkan Bumiputera bahawa besar kemungkinan segala keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada masyarakat Bumiputera akan dihentikan selepas matlamat 30 peratus pengagihan kekayaan negara dicapai kerana percaya pada ketika itu nanti, mereka boleh menghadapi segala cabaran.

Berdasarkan hakikat ini, resolusi KEB-4 antara lain mahukan penubuhan mekanisme pembangunan teknologi Melayu, pengekalan peranan kerajaan, peningkatan bilangan penyenggaraan syarikat Melayu serta pemantapan keadilan sosial. Ia juga mahukan pembabitan cergas Bumiputera dalam teknologi tinggi, penerapan nilai budaya dan agama ke arah membina insan Bumiputera berdaya saing dan menjadikan Islam dan budaya sebagai teras dalam memartabatkan bangsa bersesuaian dengan usaha menyediakan masyarakat Melayu untuk menghadapi cabaran globalisasi alaf baru.

"Ini penting seperti mana ditekankan oleh Perdana Menteri, tidak ada jalan pintas untuk mencapai kejayaan. Kita harus membina kekuatan dalaman Bumiputera dan ini perlu dibudayakan. Bumiputera harus mempersiapkan diri bagi menghadapi era globalisasi dan sebab itu, tumpuan diberi kepada soal pendidikan dan keilmuan," kata Mustapa.

Oleh itu kata beliau, masyarakat tidak harus melihat kepada penubuhan institusi.

"Kadang-kadang kita nak ukur kejayaan dengan beberapa banyak institusi ditubuhkan. Memang penting penubuhan seperti BBMB dan agensi lain termasuk Institut Teknologi Mara (ITM) dulu. Tetapi dalam konteks alaf baru globalisasi ini, kita lebih menekankan isu seperti persiapan untuk menghadapi ilmu pengetahuan berasaskan ekonomi, menstruktur semula institusi dan agensi tertentu serta membina budaya yang sesuai bagi memastikan Bumiputera maju" katanya.

Resolusi lain yang diluluskan ialah meminta supaya pegangan ekuiti Bumiputera dalam syarikat besar melalui agensi seperti Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Urusan Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dipertingkatkan.

Memandangkan usahawan Bumiputera sudah wujud untuk mencapai pelbagai cabaran global yang perlu diberi perhatian, KEB-4 juga mengeysorkan penubuhan 'Unit Perniagaan Pintar' untuk meneliti, menganalisis dan menyebarkan maklumat kepada usahawan Bumiputera untuk perhatian serta tindakan mereka.

Ia juga mahu peningkatan penggunaan Tanah Simpanan Melayu bagi projek perniagaan melalui kerjasama antara usahawan dan pemilik tanah serta institusi kewangan.

Diharapkan segala resolusi itu dihalusi dan meskipun semuanya mustahil untuk dilaksanakan, sekurang-kurangnya ia memberi kesan kepada Bumiputera khususnya dalam sektor ekonomi.

Sungguhpun kemajuan daripada segi kuantitatif semakin menggalakkan, usaha lebih gigih dirasakan perlu bagi meningkatkan mutu Bumiputera bagi membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) berdaya maju dan berkesan.

Persoalannya sekarang, mampukan usahawan Bumiputera mengharungi cabaran alaf baru. Yang pasti, mereka tidak boleh lagi terlalu mengharap bantuan serta perlindungan daripada kerajaan pada alaf baru serta era globalisasi nanti meskipun buat masa ini dan berikutan tekanan kegawatan, pembelaan itu masih wajar diteruskan.

(END)